

Pandemik COVID-19 Dorong Rakyat Berbelanja Dalam Talian



Oleh: Filzah Athirah Hussin
Universiti Sains Islam Malaysia
Diterbitkan pada 10 Ogos 2021

Pembelian dalam talian semakin tidak asing bagi rakyat Malaysia. Kaedah itu telah menjadi salah satu pilihan utama mereka pada masa ini.

Kegiatan e-dagang mula meningkat selepas negara kita dilanda pandemik Covid-19 tahun lalu. Rakyat dinasihatkan agar duduk di rumah dan disyorkan membuat pembelian dalam talian sahaja.

Tindakan ini diambil bagi mengekang penularan Covid-19. Pembelian secara dalam talian memudahkan urusan kehidupan masyarakat kerana mereka tidak perlu lagi keluar rumah dan boleh memilih barangan yang ingin dibeli secara maya.



Gambar hiasan

Terdapat pelbagai aplikasi e-dagang yang boleh kita gunakan untuk membeli barang secara dalam talian. Contohnya, Shopee dan Lazada.

Aktiviti jual beli dalam talian semasa situasi pandemik merekodkan lonjakan yang luar biasa. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia menunjukkan peningkatan sebanyak 28.9 peratus pada April tahun lalu.

Penularan pandemik Covid-19 sejak Mac 2020 juga telah menyebabkan rakyat Malaysia lebih gemar membuat pembelian dalam talian. Mereka lebih fokus kepada aktiviti jual beli dalam talian berbanding membeli secara terus di kedai.

Berdasarkan tinjauan Visa Malaysia, lebih 88 peratus rakyat Malaysia memilih untuk menggunakan perkhidmatan penghantaran dan 83 peratus digunakan bagi pembelian dalam talian merangkumi aplikasi dan portal e-dagang.

Selain itu, sebanyak 65 peratus rakyat Malaysia memilih aktiviti jual beli menerusi pesanan telefon dan penghantaran terus.



Gambar hiasan

Menurut laporan oleh syarikat peneraju e-dagang dari China, Alibaba, Festival Beli-Belah Global 11.11 pada tahun 2019 telah mencipta rekod jualan yang tinggi dengan nilai RM158.37 bilion dalam masa sehari sahaja.

Malaysia menduduki tempat keenam dari segi nilai pembelian produk dari China pada hari festival tersebut. Kedudukan itu mengatasi nilai yang dicatatkan oleh Rusia, Hong Kong, Taiwan, Amerika Syarikat dan Australia.

Pandemik yang melanda Malaysia telah mengubah cara kita berbelanja. Para penjual meningkatkan usaha mereka dalam mengembangkan perniagaan secara dalam talian.

Perubahan strategi itu disebabkan oleh peranan e-dagang yang semakin penting. Kita dapat melihat ramai peniaga memulakan perniagaan secara dalam talian semasa situasi pandemik ketika ini.

Menurut statistik rasmi kerajaan, dianggarkan satu daripada lima perjalanan yang dilakukan oleh isi rumah di Malaysia melibatkan aktiviti komersial. Perkembangan platform e-dagang dan pembelian secara dalam talian mungkin akan mengubah situasi ini.

Sumbangan e-dagang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak RM49 bilion pada tahun 2012 dan meningkat kepada RM68 bilion pada tahun 2015.

Trend peningkatan ini dijangka akan mencecah hampir dua kali ganda pada tahun 2020 kepada RM114 bilion, dan dijangka akan mencecah RM170 bilion melalui pelaksanaan inisiatif yang berkesan.

Kajian yang dijalankan pada tahun 2016 mendapati bahawa Malaysia mempunyai potensi yang besar dalam pertumbuhan e-dagang dengan kadar pertumbuhan tahunan diunjurkan sebanyak 11 peratus.

Dapat dilihat bahawa pandemik Covid-19 mendorong masyarakat berbelanja secara dalam talian, selari dengan kecanggihan teknologi komunikasi era ini.

Pada masa yang sama, pengguna perlu berwaspada ketika membuat pembelian secara dalam talian bagi mengelakkan ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.